

**BERITA ONLINE
BERITA HARIAN
TARIKH: 26 SEPTEMBER 2021 (AHAD)**



Perbanyak sesi libat urus penyampaian maklumat tepat - Annuar

Oleh [Mahani Ishak](#) - September 26, 2021 @ 12:30pm
mahani@bh.com.my



Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa. - Foto fail BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan memperbanyakkan sesi libat urus serta bekerjasama dengan semua pihak berkaitan bagi memastikan penyampaian maklumat tepat dilaksanakan secara berkesan.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa berkata, ia juga bertujuan menangani pihak yang membawa ideologi bercanggah dan kebebasan penggunaan media sosial.

Beliau berkata, pembabitan banyak pihak perlu dipertingkatkan supaya tidak berlaku penyampaian maklumat tidak tepat yang akhirnya menjelaskan perpaduan dalam keluarga Malaysia.

"Justeru keterlibatan dengan pelbagai pihak perlu dipertingkatkan supaya masyarakat lebih memahami sesuatu penyampaian maklumat dan pada masa sama naratif yang betul perlu ditekankan berikutan terdapat ramai yang bercanggah maklumat.

"Misalnya dalam peralihan pandemik COVID-19 kepada fasa endemik, perkara penting adalah pemerkasaan oleh masyarakat, disiplin kendiri serta meningkatkan kefahaman berhubung perubahan keadaan semasa COVID-19 ketika ini," katanya pada segmen Optik yang disiarkan rancangan Selamat Pagi Malaysia, RTM, hari ini.

Annuar berkata, daripada pengalaman pandemik yang dilalui sebelum ini, kebanyakan penguatkuasaan dikawal melalui perintah yang berasaskan perundangan bertujuan mengehadkan pergerakan orang ramai dalam mengekang penularan wabak, namun dalam memasuki fasa endemik, masyarakat perlu berperanan sama tanpa menunggu tindakan undang-undang.

"Ini kerana apabila Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) semakin menghampiri liputan lengkap lebih 80 peratus populasi dewasa divaksinasi, kita perlu kembali kepada kehidupan normal berikutan virus COVID-19 itu akan kekal dan sentiasa ada.

"Justeru, kita kena terima realiti untuk hidup bersama COVID-19 iaitu suasana endemik, yang mana penularan tetap berlaku dan dengan perlindungan vaksin, kita sudah ada ketahanan diri di samping menerima virus ada dalam komuniti," katanya.

"Sebagai contoh apabila kita berada pada fasa endemik, selain ambil vaksin, ada kaedah lain boleh dilakukan, misalnya pengambilan vitamin C, gaya hidup sihat serta berada di persekitaran yang mempunyai pengudaraan baik.

"Misalnya, jika seseorang tidak memakai pelitup muka, kalangan masyarakat sendiri yang menegur dan tidak menunggu anggota penguat kuasa, berikutan masing-masing sudah faham mengapa keperluan pencegahan dilakukan," katanya.

Dalam pada itu, Annuar berkata, kaedah penyampaian terkini perlu mengadaptasikan sebaik mungkin platform media sosial termasuk menggunakan pempengaruh media sosial untuk membantu menyebarkan maklumat tepat.

"Mungkin dengan kaedah menggunakan pempengaruh media sosial akan memperkasakan masyarakat sekali gus menjadikan rakyat bersedia mengikuti fasa endemik serta kembali melakukan aktiviti kebiasaan.

"Bagaimanapun perubahan terbabit perlu dimulakan agensi kerajaan terutama Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta jawatankuasa yang diamanahkan termasuk Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM)," katanya.

Diajukan pertanyaan mengenai rancangan KKMM untuk menubuhkan Pusat Kawalan Komunikasi bertujuan meningkatkan keberkesanan penyaluran maklumat kepada golongan sasar, beliau berkata, ia adalah penting bagi menangani penyebaran maklumat salah dan palsu.

"Ini akan membolehkan kerajaan menyalurkan menggunakan saluran daripada peringkat tertinggi kepada golongan sasaran supaya penyampaian maklumat berlaku dengan tepat, senang difahami dan boleh diadaptasikan oleh masyarakat," katanya.